




الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor

**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor



**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**
MS. FAKHIRA JAFRI
MS. CINDY ROBERT
MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI
MS. SHIRLEY CLARE JERI
Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**
Records & Archives



MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design
MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster
**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**
Internship Trainee



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

NEWS AND ARTICLES

PROGRAM AGRI-TECH INNOVATION 2026 TONJOL KREATIVITI DAN INOVASI PELAJAR UiTM MUKAH

Penulis: Mohd Hafizz Wondi, Muhamad Nasarudin Sulaiman, Adi Azri Mohamad, Suraiya Mahdian dan Muhammad Shahimi Ariffin

Mukah, 17 Januari 2026 — Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi (PPSPA), UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah terus memperkukuh budaya inovasi dalam kalangan pelajar menerusi penganjuran Program *Agri-Tech Innovation 2026*. Pelbagai projek dan hasil inovasi dipamerkan sepanjang program berlangsung, melibatkan penggunaan teknologi pintar, mekanisasi pertanian, sistem automasi serta penyelesaian lestari yang mampu meningkatkan produktiviti dan kecekapan sektor pertanian dan perladangan. Program ini menjadi salah satu platform penting dalam menggalakkan pelajar mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di dalam bilik kuliah ke dalam bentuk inovasi praktikal yang memberi manfaat kepada industri dan masyarakat.

"Kami mahu pelajar lebih kreatif, berfikiran kritis dan berani menghasilkan idea baharu yang mampu memberi impak positif kepada sektor pertanian dan perladangan," jelas Dr. Suraiya Mahdian yang merupakan salah seorang daripada penyelia projek kumpulan pelajar bagi program tersebut yang berlangsung di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Kampus Mukah. Program tersebut dianjurkan sebagai platform untuk mengetengahkan idea kreatif dan inovatif pelajar dalam bidang pertanian, perladangan dan agroteknologi selaras dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 serta keperluan sektor pertanian moden masa kini.

Selain pameran inovasi, program ini turut diserikan dengan sesi pembentangan projek, demonstrasi teknologi dan perkongsian ilmu dan pengalaman dalam sesi industrial talk daripada tetamu jemputan khas yang merupakan alumni UiTM iaitu Encik Mohamad Rosman Sulaiman, Pegawai Penyelidik Entomologi dan Ekologi MPOB, Stesen Penyelidikan Sessang. Pelbagai input berguna hasil daripada sesi ini yang berfokuskan kepada teori dan praktis terhadap permintaan dalam industri perladangan masa kini.

Sambutan yang diterima amat menggalakkan apabila program berjaya menarik kehadiran pelajar, pensyarah dan warga kampus yang ingin melihat sendiri hasil kreativiti dan inovasi yang dibangunkan oleh para peserta. Program *Agri-Tech Innovation 2026* turut menjadi medium penting dalam memupuk budaya penyelidikan dan inovasi dalam kalangan pelajar, sekaligus menyokong aspirasi UiTM untuk melahirkan graduan yang kompeten, progresif dan berdaya saing di peringkat global.

Majlis penutupan disempurnakan oleh Dr. Muhammad Shahimi Ariffin dengan sesi penyampaian hadiah kepada peserta dan pemenang projek inovasi terbaik sebagai pengiktirafan terhadap usaha dan komitmen mereka dalam menghasilkan idea kreatif berteraskan teknologi pertanian moden. Secara keseluruhannya, penganjuran program ini berjaya membuktikan bahawa pelajar PPSPA UiTM Mukah mempunyai potensi besar dalam meneroka bidang inovasi agroteknologi dan mampu menjadi pemangkin kepada transformasi sektor pertanian dan perladangan negara pada masa hadapan.



Sesi industrial talk yang disampaikan oleh Encik Mohamad Rosman Sulaiman, Pegawai Penyelidik Entomologi dan Ekologi MPOB

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

